

## Meneroka Penggunaan Teknik *Flipped Classroom* dalam Pengajaran Kemahiran Menulis

Andrew Emparan\*, Rozita Radhiah Said & Roselan Baki

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan guru terhadap penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dengan menggunakan bentuk kajian kualitatif secara kajian kes pelbagai tempat. Tiga orang guru Bahasa Melayu telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Data diperolehi dengan menggunakan teknik temu bual mendalam. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan bagi mendapatkan pemahaman mendalam dan terperinci tentang fenomena yang dikaji. Dalam kajian ini, proses mengumpul data sebenarnya adalah berjalan serentak dengan proses menganalisis data. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berhadapan dengan masalah kehilangan beberapa maklumat penting atas kecuaian penyelidik kerana terdapat lambakan data semasa proses penganalisis data dijalankan. Setelah selesai sesi temu bual dengan responden, penyelidik mendengar semula rakaman temu bual dan ditranskripsikan dengan cukup teliti. Setelah selesai sesi transkripsi data temu bual, maka penyelidik memberi salinan temu bual secara bercetak sebagai pengesahan daripada responden sebelum penulisan dapatan kajian dijalankan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini boleh memberi kesan yang baik terhadap hasil penulisan murid. Teknik sebegini patut dilaksanakan kerana dapat membantu guru untuk melancarkan proses pengajaran dan memudahkan pemahaman murid terhadap mugarang. Namun guru harus melihat kepada keadaan dan kemampuan murid dan harus disesuaikan dengan melihat kepada aspek kecerdasan dan prestasi murid, guru, kemudahan di sekolah, kebolehaksesan murid terhadap teknologi, peranan ibubapa dan masyarakat.

**Kata kunci:** Menulis, *Flipped Classroom*, pengajaran, rangsangan, kecerdasan, pembelajaran, teknik

### ABSTRACT

This study aims to look at the views of teachers on the use of Flipped Classroom in teaching essay writing skills Malay Language using qualitative research in the form of numerous case studies. Three Malay Language teachers were randomly selected in this study. Data were obtained using in-depth interview techniques. The selection of the study participants based on the sampling was aimed at gaining a deep and detailed understanding of the phenomenon under study. In this study, the process of collecting data is actually the same as analyzing the data. This is to avoid having to deal with the problem of missing some important information due to the negligence of the researcher as there is a dump of data during the data analysis process. Upon completion of the interview session with the respondents, the researcher listened to the recording of the interview and transcribed it carefully. Upon completion of the transcript of the interview data, the researcher provided a copy of the interview in print from the respondents before writing the findings. The findings of this study prove that the use of this flipped classroom technique can have a positive impact on student writing outcomes. These techniques should be implemented as they help teachers streamline the teaching process and facilitate students' understanding of composing. However, teachers should look at the circumstances and abilities of the students and should adapt them to the areas of intelligence and student achievement, teachers, school facilities, student access to technology, parental and community roles.

**Keywords:** Writing, Flipped Classroom, teaching, stimulation, intelligence, learning, technique

### PENGENALAN

Kemahiran menulis adalah kemahiran berbahasa yang paling kompleks (Roselan Baki, 2003). Ketepatan dan keberkesanannya penggunaan teknik pengajaran boleh mempengaruhi kemahiran menulis dalam kalangan murid

\* Corresponding author: [andyrias.emparan@gmail.com](mailto:andyrias.emparan@gmail.com)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

sekolah menengah. Perkembangan teknologi yang telah banyak membawa perubahan kepada teknik pembelajaran di sekolah. Menerokai pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran antara lain telah melahirkan teknik *Flipped Classroom*. Sehubungan dengan itu, teknik pengajaran tradisional atau konvensional yang banyak berfokus kepada guru sesuai digantikan dengan teknik *Flipped Classroom* yang lebih berfokus kepada murid dengan guru berperanan sebagai fasilitator atau pembimbing (Nichols, 2012). *Flipped Classroom* adalah teknik pengajaran kini melalui pembelajaran yang disesuaikan dengan mempelbagaikan susunan atau prosedur pengajaran tradisional dalam menyampaikan kandungan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk baharu. Strategi ini dilaksanakan dengan mengurangkan jumlah arahan langsung dalam amalan pengajaran sambil memaksimumkan interaksi guru murid dan murid-murid semasa sesi perbincangan atau pembentangan (Brent, 2013). Strategi ini menggunakan teknologi tambahan yang menyokong pembelajaran melalui bahan yang boleh diakses secara *online*.

Siti Hajar Halili & Zamzami Zainuddin (2015), *flipped classroom* adalah mempunyai hubungkait yang selari dengan pembangunan teknologi dari satu zaman ke zaman yang lain. Menurut Wahindah Suhari (2015), *Flipped classroom* merupakan antara pedagogi yang kian mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Dalam model *Flipped Classroom*, yang biasanya dijalankan di dalam bilik darjah dan yang diberikan sebagai tugas rumah telah ‘diterbalikkan’. Prinsip panduan dalam model ini ialah tugas yang menjadi kebiasaan dibuat di rumah, dijalankan di kelas di bawah bimbingan guru. Menurut Kathleen Fulton (2012) dalam kajian Wahindah Suhari (2015) menyatakan bahawa melalui kajiannya berpendapat bahawa model Flipped Classroom membenarkan murid untuk belajar pada kadar kecerdasan mereka sendiri. Tambahan lagi, penggunaan teknik ini membolehkan masa di kelas digunakan dengan lebih efektif dan membuat tugas rumah di dalam kelas membolehkan guru lebih memahami masalah yang dihadapi oleh murid dan bentuk pembelajaran mereka yang berbeza.

Di samping itu, *Flipped Classroom* atau *Inverted Classroom* (Lage et al, 2000) merupakan salah satu teknik pembelajaran yang berpusatkan murid yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2000. Teknik ini melibatkan murid secara langsung lalu mengurangkan keterlibatan guru yang dominan (Baker, 2000). Murid akan menggunakan teknologi secara kendiri untuk mengalami proses pembelajaran dengan merakam video berdasarkan tugas kecil yang disuruh oleh guru, merakam audio, mengambil gambar atau mengkehendaki murid sendiri berada di lapangan untuk mendapatkan bahan-bahan yang diminta oleh guru. Secara tidak langsung murid dapat mengalami pembelajaran secara dekat dan jelas dengan apa-apa yang dikehendaki oleh matlamat atau objektif pembelajaran lalu mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif (Siege, 2013). Teknik *Flipped Classroom* juga memberi ruang dan peluang kepada murid untuk belajar secara kendiri untuk membina kefaamanan dan makna melalui setiap pengalaman yang mereka perolehi. Pada masa yang murid turut membina pemahaman yang jelas hasil daripada bimbingan guru dan rakan-rakan mereka (Lowell et al, 2013).

*Flipped classroom* adalah suatu teknik pembelajaran yang mengoptimumkan penggunaan masa pembelajaran di dalam bilik darjah kepada sesi perbincangan konsep serta pertanyaan soalan yang boleh diklasifikasikan sebagai soalan Aras Tinggi (KBAT), Saiful Nazri Nordin & Azlin Norhaini Mansor, (2016). Dalam proses penggunaan teknik *flipped classroom* ini dalam pengajaran dan pembelajaran guru memberikan murid tugas dan tanggungjawab pada skala yang kecil mahupun pada skala yang besar supaya murid boleh meneroka pembelajaran itu secara sendiri dan mereka berpeluang untuk mengalami dan mencuba. Hasil daripada pengalaman yang murid perolehi dari segala tugas dan peluang ini menjadikan murid lebih memahami dan kecerdasan pelbagai murid mudah bertindakbalas dan akhirnya murid mampu untuk menterjemahkan idea dan maklumat ke dalam bentuk tulisan. Selari dengan Lila Salleh & Noranika Murni Dol Karim, (2016) bahawa penggunaan *flipped classroom* ini dapat meningkatkan penglibatan murid dan tanggungjawab kendiri terhadap pembelajaran kemahiran menulis karangan deskriptif.

Dan menurut Wahindah Suhari, Wan Alfida Suleiman & Zuraidah Saidin (2015) secara langsung penggunaan teknik *flipped classroom* ini dapat meningkatkan minat murid terhadap kosep pembelajaran dalam bilik darjah. Daripada itu merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Mohd Zairi Husain & Muhammad Furqan Abd Manan (2016) murid pada masa kini ke arah penggunaan gajet, alat elektronik media massa dan peralatan teknologi dan bersesuaian dan menepati ciri-ciri pembelajaran masa kini. Sama dengan penyataan yang dinyatakan oleh Siegle (2013), bahawa teknik *flipped classroom* ini boleh membantu mencipta dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang yang aktif. Berdasarkan Azlina A.Rahman (2014) antara teknologi yang digunakan dalam kaedah flipped classroom ialah penggunaan video, audio, perisian multimedia dan sistem pembelajaran pintar. Dan menurut Strayer (2012) dalam kajian Azlina A.Rahman (2014), sistem pembelajaran pintar dalam talian adalah perlu dilaksanakan bersama bagi memastikan objektif *flipped classroom* tercapai.

## **Kemahiran Menulis**

Kemahiran berbahasa merupakan kemahiran asas yang amat penting dan perlu ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. (Roselan Baki, 2003). Kemahiran menulis merupakan kemahiran berbahasa yang paling tinggi. Pengajaran kemahiran menulis meliputi pengaplikasian aspek-aspek bahasa yang lain seperti pengajaran tatabahasa, ejaan dan semantik. Melalui pengajaran menulis, murid-murid dilatih untuk mengungkapkan gagasan fikiran dengan tepat dan jelas tentang pelbagai perkara, baik yang berbentuk akademik ataupun kegiatan harian dan pengalaman yang ditulis dalam penulisan yang pelbagai jenis untuk disampaikan kepada pembaca. (Roselan Baki, 2003). Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal yang disalurkan secara bersistem berasaskan matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan bentuk penulisan. Sehubungan itu, keupayaan menulis merupakan suatu kemahiran yang menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Melalui penulisan murid dirangsang untuk berfikir, menaakul, menyusun dan mengolah idea sebelum dilahirkan dalam bentuk wacana yang lengkap.

Bagaimanapun strategi sikap dan masalah guru yang terbawa ke dalam pengajaran memberi kesan kepada pembelajaran kemahiran penulisan murid. Murid lazimnya bergantung kepada perkara yang mereka lihat dan dengar dalam bilik darjah. Keadah pengajaran yang berorentasikan guru memberi cabaran yang penting kepada pengajaran dan pembelajaran abad 21. Jika kemahiran menulis murid telah dikuasai, pengalaman menulis pasti menyeronokkan murid. Selain itu, masalah penulisan murid juga turut berpunca daripada cara pengajaran guru di dalam kelas. Strategi pengajaran penting kerana menurut Esah Sulaiman (2003) dalam Noor Azizah Ahmad (2006), pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan seperti pendekatan berpusatkan guru, pendekatan berpusatkan murid dan pendekatan berpusatkan bahan. Pemilihan dan perancangan guru dalam menentukan pendekatan, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran untuk mencapai objektif adalah dikatakan strategi pengajaran. Penggunaan bahan rangsangan tanpa teknik yang berkesan, mendorong kepada kelemahan penguasaan kemahiran penulisan.

Manakala Yahya Othman (2005) dan Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) menyatakan penguasaan kemahiran menulis bukan hanya bergantung kepada bakat semata-mata malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan. Oleh itu, dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas adalah dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca. Susunan kata-kata yang lengkap mengandungi makna yang lengkap. Susunan unsur-unsur perkataan dalam ayat dasar yang lazim adalah subjeknya mendahului predikat. Perkara yang penting dalam membina ayat ialah maklumat yang digunakan untuk membina ayat tersebut. Ini disokong oleh Edward de Bono (1982) yang menyatakan bahawa maklumat sememangnya penting kerana maklumat yang banyak boleh membantu kita berfikir dan membuat keputusan dengan lebih baik. Kepentingan maklumat turut ditekankan oleh Siti Hawa Munji (1990). Beliau menyatakan alam proses data deria, seseorang itu haruslah menyusun sejumlah besar rangsangan menjadi struktur-struktur dan bentuk-bentuk yang lebih bermakna.

## **Penyataan Masalah**

Penggunaan teknologi dalam PdP memberi impak yang positif terhadap sistem pendidikan abad ke 21. Dan ini begitu mempengaruhi kaedah pengajaran dan penyampaian serta kemampuan guru dalam bilik darjah dan amatlah memainkan peranan penting bagi mencapai objektif pada setiap sesi pembelajaran. Kemahiran menulis murid di sekolah menengah haruslah mengalami inovasi dan pembaharuan supaya selari dengan arus permodenan pengajaran dan pembelajaran harian murid di sekolah. Pelaksanaan pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan memberi impak kepada penguasaan kemahiran menulis (Yahya, 2005). Menjadi kebiasanya guru kurang dalam mempelbagaikan kaedah dan teknik PdP mereka atas sebab hanya sekadar ingin menghabiskan silibus pelajaran yang telah ditetapkan dan juga dikalangan mereka yang menekankan peperiksaan semata-mata sehingga mengabaikan tentang penguasaan murid terhadap kemahiran menulis. Tambahan pula segelintir guru kurang kecekapan dan pendedahan terhadap pedagogi yang digunakan dalam pengajaran mereka. Menurut Asan Singkro (1996) pengabaian kaedah dalam pengajaran penulisan karangan dapat menimbulkan masalah yang berkaitan dengan kemampuan murid untuk menguasai kemahiran-kemahiran pokok dalam penulisan karangan. Manakala menurut Kamarudin Hj. Husin (1986:217) dalam kajian Asan Singkro (1996) menyatakan bahawa guru-guru mengajar karangan secara sendiri-sendiri dan kadang-kadang tidak menggunakan sebarang kaedah. Menurut Olness (2005) menyatakan bahawa pengajaran penulisan ini sebenarnya adalah satu keadaan yang berstruktur di mana murid-murid dibimbang melalui langkah-langkah penulisan yang betul. Mack (2012) menjelaskan bahawa guru mempunyai tugas yang kompleks dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menyediakan peluang-peluang penerokaan semasa pembelajaran menulis.

Tambahan pula, ada sebahagian guru yang kurang pengetahuan dan kemahiran tentang penulisan menjadikan penguasaan kemahiran menulis murid terganggu dan bermasalah. Guru seharusnya memiliki ilmu pengetahuan

yang cukup tentang kemahiran menulis yang ingin diajarkan dan senantiasa bersedia menghadapi sebarang jua persoalan daripada muridnya bagi mewujudkan satu suasana pembelajaran yang berkesan (Azizi Yahaya, Rosnani Mohd Nor, Sharifuffin Ismail & Amir Hamzah Abdul, 2010). Pengetahuan isi kandungan guru juga perlu disertai dengan pengetahuan pedagogi yang mantap dalam pengajaran dan dituruti pula dengan pengetahuan guru tentang ciri murid bermasalah pembelajaran yang berada di dalam kelas yang diajar (Ah Halim A. Hamid & Aliza Alias, 2017). Faktor kebolehan dan kreativiti guru dapat mengubah persepsi serta kesedaran bahawa murid juga mempunyai potensi untuk berjaya dalam pembelajaran dan faktor guru yang berketerampilan serta berkeupayaan menyerap keadah, teknik dan aktiviti serta menstrukturkan tahap pembelajaran supaya menjadi satu set binaan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan inovatif dapat memberi kesan positif dan bermakna (Abdul Rasid Jamian, 2011). Kajian ini bertujuan untuk meninjau perspektif guru tentang penggunaan teknik *flipped classroom* dalam PdP kemahiran menulis dan sejauh manakah teknik *flipped classroom* sesuai untuk pembelajaran melalui pengalaman?

## METODOLOGI

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan guru terhadap perlaksanaan teknik *flipped classroom* dalam sesi pengajaran mengarang di kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah. Kajian ini menggunakan teknik kajian kualitatif ke atas 3 orang guru Bahasa Melayu yang telah dipilih secara bertujuan di tiga sekolah menengah berbeza lokasi yang dipilih secara rawak. Pemilihan responden adalah berdasarkan pengalaman mengajar lebih daripada 5 tahun perkhidmatan mereka. Ketiga-tiga responden diberi Nama PK1, PK2 dan PK3 bagi menjaga kerahsiaan dan identiti sebenar mereka. Data kajian diperoleh melalui temu bual. Hasil temu bual ditranskripsi dan dianalisis menggunakan kaedah "*constant comparative*" untuk menghasilkan kategori yang kemudiannya menghasilkan tema, subtema dan koding untuk membangunkan dapatan kajian. Kategori yang dibina adalah berdasarkan dan menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diraih melalui temu bual terhadap guru dan hasil yang diperolehi amatlah menggalakkan. Pandangan guru terhadap penggunaan teknik *flipped classroom* dalam pengajaran kemahiran menulis menjadi fokus utama dalam kajian ini.

### JADUAL 1

Respon daripada Peserta Tentang Kesesuaian Penggunaan Teknik *Flipped Classroom* dalam Pengajaran Kemahiran Menulis

#### Kesesuaian Teknik *Flipped Classroom* Dengan Teknik Pengajaran Menulis

Peserta Kajian	Sesuai	Tidak Sesuai	Diselaraskan dengan teknik pengajaran tradisional	Berpusatkan murid	Tugasan lapangan berskala kecil	Penulisan secara kontekstual
PK1	√			√	√	√
PK2	√	√	√	√	√	√
PK3	√			√	√	√

Berdasarkan temu bual yang telah di jalankan, penyelidik mendapati semua PK bersetuju bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini sesuai dengan pengajaran kemahiran menulis murid serta memberi kesan yang baik dalam penulisan. Berdasarkan Jadual 1, hasil daripada temu bual yang di jalankan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian ini didapati bahawa dua daripada tiga peserta bersetuju sepenuhnya terhadap kesesuaian penggunaan teknik *flipped classroom* ini, namun hanya seorang sahaja peserta tidak bersetuju sepenuhnya. Dan ini dapat dibuktikan seperti "Setuju, teknik tersebut sangat membantu murid dan murid lebih cerdas dan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis". (PK3/TB1). "Setuju. Ianya amat sesuai digunakan dalam pengajaran menulis. Murid akan lebih faham dan senang untuk mereka dalam membina ayat". (PK1/TB1). Berdasarkan kenyataan kedua-dua peserta kajian ini didapati mereka bersetuju bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini dapat membantu murid untuk lebih memahami apa-apa yang ingin mereka tulis semasa mengarang. Aktiviti mengarang menjadi lebih bermakna apabila murid boleh menulis sesuatu yang telah mereka buat atau jalankan lebih awal. Sebagai contoh guru menyuruh murid-murid menyenaraikan 50 kata Nama Am berdasarkan barang-barang yang ada di dalam rumah mereka sendiri. Kemudian di dalam bilik darjah guru boleh menyuruh murid mengarang tentang tajuk karangan "Rumahku Syurgaku" kerana mereka tahu

rumah adalah tempat tinggal yang paling selesa buat mereka. Proses mengarang boleh menjadi lebih menyeronokkan.

Namun begitu PK2 bersikap neutral iaitu tidak mengatakan bersetuju ataupun bersetuju. Ini adalah kerana pada pandangan PK2 terdapat beberapa tahap pencapaian murid di dalam bilik darjah iaitu; murid cemerlang, sederhana dan murid lemah. Berdasarkan kepada kenyataan beliau; "Setuju dan tidak setuju. Kerana ianya sangat bergantung kepada kecerdasan dan kepekaan murid terhadap persekitaran.....pendedahan kepada pekerja di luar bilik darjah adalah sangat penting untuk murid-murid". (Peserta 2/TB1). Hal ini kerana, penggunaan teknik *flipped classroom* bergantung kepada kemampuan murid mempelajari dan meneroka dengan kemampuan dan kecerdasan mereka sendiri. Hal ini memerlukan tahap kepekaan dan kecerdasan yang tinggi. Jadi bagi murid yang mempunyai masalah atau lemah dalam pembelajaran mereka masih memerlukan bimbingan guru sepenuhnya dan mereka memerlukan pengajaran secara tradisional. PK2, juga menyatakan bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini sesuai untuk kelas yang cemerlang prestasi akademiknya sahaja.

Secara keseluruhannya para peserta bersetuju dan mengakui bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini memang memberi kesan yang baik terhadap kemahiran mengarang murid. Berdasarkan kepada kenyataan seperti berikut; "Teknik ini menjadikan murid untuk mendapatkan bahan sendiri dan ini akan membolehkan murid tersebut untuk lebih menjiwai dan mereka boleh menghasilkan penulisan yang baik". (PK1/TB1) dan seperti yang dinyatakan oleh (PK3/TB1) "Setuju, kerana mengikut perkembangan teknologi semasa dan sangat berguna untuk situasi pekerjaan sebenar mereka kelak".

Berdasarkan kenyataan PK1 dan PK3, teknik *flipped classroom* ini sesuai digunakan dalam pengajaran kemahiran mengarang murid kerana mereka boleh menjiwai hal-hal yang benar-benar mereka lalui atau alami secara realiti malah selari dengan perkembangan semasa dan akhirnya dapat menyumbang kepada kebolehan mengarang murid. Murid mampu menghasilkan penulisan yang baik hasil daripada pengalaman yang bermakna. Walau bagaimanapun, PK2 kedua tidak bersetuju sepenuhnya, kerana beliau berkata sebagai guru yang mengajar murid dua aras beliau menjelaskan seperti; "Kelas hujung masih memerlukan teknik pengajaran yang berkonsepkan tradisional. Dan teknik *flipped classroom* ini sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid kelas depan". (Peserta 2/TB1)

Menurut beliau, penggunaan teknik *flipped classroom* hanya sesuai digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran murid kelas depan atau murid yang berada di kelas cemerlang. Kerana mereka telah faham dan tahu tentang pembelajaran. Mereka ini boleh menerima pembelajaran walaupun arahan dan penjelasan yang diberikan oleh guru sangat minima. Ini adalah seiring dengan kenyataan yang dikatakan oleh Graham Brent (2013), teknik *flipped classroom* ini merupakan startegi yang boleh diberikan oleh pendidik dengan mengurangkan jumlah arahan langsung dalam amalan mengajar sambil memaksimumkan interaksi antara satu dengan yang lain. Diakui oleh peserta 2 ini pula melalui kenyataan beliau; "Namun begitu teknik *flipped classroom* dan teknik tradisional harus dijalankan secara seiringan". (Peserta 2/TB1) menyarankan bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini masih boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis namun ianya harus diseiringkan dengan pengajaran tradisional juga bagi kelas pertengahan atau kelas belakang.

Kesimpulannya, di dapati bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* memang dapat membantu murid dalam meneroka pengalaman ilmu secara maya atau realiti malah turut merangsang kebolehan mengarang murid. Penggunaan teknik ini sangat membantu dan sesuai digunakan kerana teknik ini dapat menjadikan murid lebih cerdas, aktif dan akhirnya murid lebih faham dan senang untuk mengarang. Namun perlu juga diingat bahawa penggunaan teknik ini amat bergantung kepada kecerdasan dan kepekaan seseorang murid terhadap persekitaran di dalam atau di luar bilik darjah. Penyelidik juga mendapati bahawa bentuk pengajaran guru harus selari dengan perkembangan prestasi murid. Secara realitinya murid masih memerlukan guru dalam memberikan bimbingan kepada mereka maka guru harus boleh menyesuaikan cara pengajaran mereka dengan murid berdasarkan kemampuan murid contohnya, murid yang berada di kelas cemerlang boleh menggunakan sepenuhnya teknik *flipped classroom* namun untuk murid yang berada di kelas pertengahan dan kelas belakang guru mungkin menggunakan kedua-dua teknik iaitu tradisional dan *flipped classroom* sehingga mereka boleh menguasai aspek karang-mengarang.

### **Penerokaan dan Pengalaman Murid**

Kemahiran menulis merupakan keupayaan seseorang murid untuk menghasilkan dan menterjemahkan segala idea penulisan mereka kepada bentuk ayat. Ini adalah amat di pengaruhi oleh pengalaman dan penerokaan mereka terhadap pengetahuan maklumat, idea, persekitaran, pemerhatian, dan pembacaan mereka di luar bilik darjah mahu pun di dalam bilik darjah. Berdasarkan dapatan kajian terserlah bahawa penulisan amatlah

bergantung kepada pengalaman dan penerokaan murid yang mendalam tentang sesuatu topik membantu murid untuk menghasilkan penulisan yang baik.

*"Penulisan ini sebenarnya sangat bergantung kepada pengalaman murid itu sendiri lebih-lebih lagi dalam penulisan karangan....Teknik ini menjadikan murid untuk mendapatkan bahan sendiri dan ini akan membolehkan murid tersebut untuk lebih menjiwai dan akhirnya boleh menghasilkan penulisan yang baik".* (PK1/TB1). Berdasarkan pernyataan oleh PK1 teknik *flipped classroom* i membolehkan murid untuk meneroka sendiri sesi pembelajaran mereka apabila mereka berada diluar bilik darjah, dan ini dengan secara langsung dapat menjadikan murid tersebut mengembangkan setiap kecerdasan minda dan fikiran serta kebolehan mereka secara peribadi semasa mereka berada di luar waktu pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran seharusnya mampu untuk mengembangkan setiap pertumbuhan kecerdasan dalam diri murid tersebut. Menurut Horward Gardner (1983) kecerdasan seseorang dapat dipelajari, dikembang dan ditingkatkan. Oleh itu proses pengajaran dan pembelajaran harus boleh mempengaruhi kecerdasan pelbagai murid, dan dengan penggunaanya teknik *flipped classroom* yang memusatkan murid sememangnya boleh menjadikan murid membuka minda dan kecerdasan mereka. Melalui aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah ataupun semasa murid-murid berada di rumah dapat merangsang murid untuk mempelajari sesuatu yang di sekitarnya berdasarkan tugas yang diberikan oleh guru semasa di sekolah.

Manakala peserta kedua pula ada menyatakan bahawa beliau juga mengakui bahawa penggunaan teknik *flipped classroom* ini berkesan terhadap pembelajaran menulis murid namun hanya untuk murid yang berada di kelas cemerlang. Menurut beliau; "*Mereka lebih faham dan lebih mudah untuk menguasai sesuatu topik pengajaran namun untuk kelas pertengahan masih belum boleh menguasai sepenuhnya kerana ianya amat bergantung kepada aras dan prestasi kebolehan murid tersebut*". (PK22/TB1). Menurut PK2, beliau memperakui bahawa penggunaan teknik ini berkesan dan memberi impak yang baik kepada murid yang mempunyai tahap kebolehan kecerdasan yang tinggi. Ini adalah kerana penggunaan teknik *flipped classroom* ini adalah sepenuhnya bergantung kepada murid tersebut dan guru hanya sebagai pembimbing mereka. Pengajaran dan pembelajaran murid menjadi aktif sekiranya murid dapat menguasai sesuatu pembelajaran di luar bilik darjah dan di dalam bilik darjah. Menurut Kathleen Fulton (2012) dalam kajiannya berpendapat teknik *flipped classroom* membenarkan murid belajar pada tahap kecerdasan mereka sendiri.

Apabila murid terdedah dengan keadaan persekitaran malah mereka boleh berinteraksi dan mengalami pelbagai pengalaman sama ada yang mereka lihat, dengar, tonton, perhatikan dan segala perkara yang disekeliling mereka akan membantu mereka untuk berfikir, menaakul, memberi idea dan dalam masa yang sama akan meyumbang banyak ides untuk mereka mengarang. Hal sebegini diakui oleh Ruddick (2012) dalam kajiannya teknik *flipped classroom* ini menjadikan pencapaian murid lebih tinggi. Ini adalah kerana mereka dapat menguasai topik untuk mereka mengarang dengan baik.

### **Menulis Karangan**

Ketidakmampuan murid untuk mengolah dan menghasilkan isi karangan dan keupayaan mereka untuk menggunakan apa-apa jenis teknik penulisan yang sesuai dan baik merupakan cabaran untuk mereka menghasilkan penulisan yang bermutu dan mengikut standard yang telah di letakkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ini adalah di persetujui oleh ketiga-tiga peserta temu bual yang menyatakan bahawa kemahiran menulis adalah kemahiran tertinggi dalam hierarki kemahiran bahasa dan kemahiran menulis murid adalah agak bermasalah dengan adanya murid tidak faham dan tidak berkemampuan untuk menghuraikan idea dan fakta yang ada. PK1 menyatakan; "...kemahiran menulis ini adalah agak bermasalah, khususnya murid yang berada di kelas belakang. Sebenarnya kelas hadapan pun ada masalah dalam kemahiran menulis". (PK1/TB1) sama juga dengan kenyataan oleh peserta kedua kajian; "Baik. Sepanjang saya sebagai guru Bahasa Melayu, perkara atau masalah yang sering dihadapi oleh murid adalah murid tidak faham atau menguasai format.... idea dan fakta ada....kurang huraian dan contoh" (PK2/TB1). PK3 menyatakan bahawa; "Menulis merupakan kemahiran tertinggi dalam hierarki kemahiran berbahasa". (PK3/TB1)

Berdasarkan kepada kenyataan yang di berikan oleh peserta pertama; "*Penulisan karangan ini sebenarnya sangat-sangat bergantung kepada pengalaman murid itu sendiri. Menurutnya lagi, kalau murid kurang mencari bahan maka mereka akan sukar untuk menulis bagi mengukuhkan lagi huraian mereka dalam penulisan. Menurutnya lagi, objektifnya adalah untuk murid menghasilkan penulisan yang baik*". (PK1/TB1), menjelaskan bahawa murid harus mengetahui apa-apa yang mereka hendak tulis. Jadi berdasarkan temu bual kajian adakah teknik *flipped classroom* ini dapat membantu dalam penulisan murid. PK1 menyatakan bahawa melalui teknik ini, murid memperolehi bahan-bahan untuk mengarang berdasarkan topik yang diberikan oleh guru. Penguasaan dan pemahaman murid dalam menulis karangan bertambah dan meningkat. Ini adalah kerana, apabila murid faham dan tahu tentang ruang lingkup atau keseluruhan gambaran tentang topik yang mereka ingin tulis atau garap ianya memudahkan murid untuk menghasilkan penulisan karangan yang bermutu. Menurut PK2; ".....

*apabila mereka telah menonton dan mendapat gambaran daripada tayangan video youtube, mereka akan lebih faham dan lebih mudah untuk menguasai sesuatu topik untuk tujuan mendarang". (PK2/TB1)*

Murid mudah untuk menghasilkan penulisan yang baik, dengan adanya pendedahan yang menyeluruh melalui teknik *flipped classroom* ini. Apatah lagi apabila murid di beri kebebasan untuk menerokai dan menguasai sesuatu topik ketika mereka berada di luar dari waktu persekolahan. Di dalam bilik darjah murid lebih bersedia untuk menterjemahkan ilmu yang ada melalui aktiviti penulisan atau perbincangan dan pembentangan dalam bilik darjah. Perkongsian ilmu daripada bahan-bahan yang dikumpul oleh rakan-rakan yang lain menjadikan kerja-kerja mendarang lebih bermakna. Murid boleh mengembangkan idea, pandangan mereka dan akhirnya mereka mendapat perspektif yang luas tentang apa sahaja yang mereka ingin karang.

Menurut PK3 ; " .... *apabila kaedah flipped classroom ini di gunakan kesannya terhadap penulisan murid adalah mereka boleh menulis menggunakan peribahasa dan boleh menulis isi tersirat dan tersurat di dalam ulasan mereka, murid dapat memberikan ulasan dengan lebih baik".( PK3/TB1)*

Tuntasnya, teknik *flipped classroom* sangat membantu murid untuk menghasilkan penulisan yang bermutu dari segi isi kandungan dan huraian isi. Di samping dapat meningkatkan minat murid dalam menghasilkan karangan yang baik, teknik seperti ini menjadikan murid lebih kreatif dan berpengetahuan luas.

## RUMUSAN

Penggunaan teknik *flipped classroom* ini dapat menjana pemikiran yang kreatif dan juga dapat mengembangkan kecerdasan murid dalam menulis. Ini juga dipersetujui oleh Freeman & Schiller (2013) dan Miller (2012) bahawa *flipped classroom* membawa kesan yang baik dimana murid mempunyai komitmen yang tinggi untuk menjalankan pembelajaran sendiri di rumah. Ini adalah kerana teknik *flipped classroom* adalah berpusatkan murid. Murid dapat meneguhkan pengalaman pembelajaran melalui teknik ini di luar bilik darjah dan ini akhirnya membantu murid untuk menjawai kerja-kerja mendarang mereka. Murid diharap dapat menterjemah segala idea dan gambaran tentang apa-apa yang mereka ingin tulis berdasarkan kepada bahan-bahan yang mereka cari dan perolehi di luar bilik darjah. Seiring dengan pandangan Luis Tirtasanjaya dkk (2012) menyatakan bahawa pelaksanaan model *flipped classroom* dalam lingkungan pembelajaran membolehkan murid menjelajahi ruang lingkup ilmu yang lebih luas namun berfokus. Namun masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini adalah, data yang diperolehi hanya melihat pandangan guru terhadap penggunaan teknik *flipped classroom* dan tidak mengkaji tentang hasil penulisan murid. Oleh yang demikian pengkaji mencadangkan supaya kajian selanjutnya dijalankan khusus untuk mengkaji impak penggunaan teknik *flipped classroom* terhadap hasil penulisan karangan murid. Menurut Azlina A.Rahman (2014) pelaksanaan kaedah pedagogi yang baru seperti teknik *flipped classroom* ini memerlukan panduan ringkas terhadap prosedur pelaksanaannya kepada murid, tambahnya lagi adalah kerana teknik ini sangat berbeza berbanding kaedah konvensional sedia ada dan maklumat yang diberikan sebelum pelaksanaan membantu murid bersedia untuk menerima sesuatu yang baru.

## RUJUKAN

- Ab Halim A. Hamid & Aliza Alias. (2017). *Pengetahuan Guru tentang Pengajaran Tulisan Tangan Murid Pendidikan Khas bermasalah Pembelajaran di Daerah Rembau*. Simposium Pendidikan diPerbadikan: Perspektif Risale-i Nur (SPRI2017).
- Abdul Rasid Jamian. (2011). *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842, Vol.1, Bil.1 (Mei2011): 1-12.
- Amy Roehl & Shweta Linga. (2013). *The Flipped Classroom: An Opportunity to Engage Millennial Students through Active Learning Strategies*.
- Asan Singkro. (1996). *Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan yang digunakan oleh Guru Bahasa Melayu di Peringkat Menengah Atas Sekolah-Sekolah di Samarahan, Sarawak*.
- Azlina A.Rahman, Baharuddin Aris, Hasnah Mohamed, Norasykin Mohad Zaid & Zaleha (2014). *Flipped Classroom Dalam Konteks Malaysia*. Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014, 11-13 Ogos 2014.
- Azizi Yahaya, Rosnani Mohd Nor, Sharipuddin Ismail & Amir Hamzah Abdul. (2010). *Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan guru Mata pelajaran Teknikal*
- Barker, W. (2000). The “Classroom Flip”: Using Web Course Management Tools Too Become The Guide By The Side. Paper presented at 11<sup>th</sup> International Conference on College Teaching and Learning, Jacksonville, FL.
- Dean N. Shumamoto. (2012). *Implementing a Flipped Classroom: An Instructional Module*.
- Fulton, K.P. (2012). 10 reasons to flip. *The Phi Delta Kappan of Journal Storage* (JSTOR), 94(2), 20-24
- Gardner H. (1983). *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligence*. New York: Basik Books.

- Johnson, Graham Brent. (2013). *Student Perceptions of the Flipped Classroom*. Columbia. The University of British Columbia.
- Lage, M.J, Platt, G. J..& Tregila, M. (2000). *Inverting the classroom: A gateway to creating an inclusive learning environment*. *The Journal of Economic Education*, 31(1), 30-43.
- Lila Salleh & Norainika Murni Dol Karim. (2016). *Membina Kemahiran Pembelajaran Kendiri Melalui Teknik Flipped Classroom*.
- Lius Tirtasanjaya dkk. (2012). *Assessing the Effectiveness of Flipped Classroom Pedagogy in Promoting Students' Learning Experience*.
- Lowell. J. Et al..(2013). *The Flipped Classroom: A Survey of the Research*.
- Mack, F.L. (2012). *A Voyage in Emergent Writing: Case Study of Writing Instructional Practices of Two Kingergarten Teachers*. Tesis Ph.D, Education, Capella University.
- Mohd Zairi Husain, Muhammad Furqan Abd Manan. (2016). *Penggunaan Teknik Flipped Classroom dalam Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Jasmani*.
- Olness, R. (2005). *Using literature to enhance writing instruction In. Using literature enhances content area Instruction: A guide for K-5 Teacher*, I-205. Network, DE: International Reading Association.
- Roselan Baki. (2003). Pengajaran dan Pembelajaran penulisan Bahasa Melayu.
- Ruddick K.W. (2012). *Improving education from high school to college using a more hands-on approach. Unpublished doctoral dissertation*. University of Mamphis.
- Saiful Nazri Nordin & Azlin Norhaini Mansor. (2016). *Flipped Learning: Kajian Persepsi Pelajar terhadap Pembelajaran Abad ke 21*.
- Siegle, D. (2013). *Technology: Differentiating Instruction by Flipping the Classroom*. *Gifted Child Today*, 37(1), 51-55
- Siti Hajar Halili & Zamzami Zainuddin. (2015). *Flipping The Classroom: What We Know and What We Don't*. The Online Journal of Distance and e-Learning. Volume 3, Issue 1.
- Shamsudin Othman. (2018). ‘Strategi Merancang Penulisan Kreatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu’, dlm *Pelita Bahasa*, Bil. 7, 2018. 31-35.
- Wahindah Suhari, Wan Alfida Suleiman & Zuraidah Saidin. (2015). *Flipped Classroom dalam Pengajaran Karangan*. Seminar Bahasa Melayu 2015.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.